

Headline **Joannes Lukas Sebak Selepas Meneliti Ayat Al-Maidah**
 Date **21. Feb 2008**
 Media Title **Utusan Malaysia**
 Section **Supplement**
 Circulation **238082**
 Readership **833287**

Language **MALAY**
 Page No **16**
 Article Size **1439 cm²**
 Frequency **Daily**
 Color **Full Color**



16 **Mega** UTUSAN MALAYSIA >> Khamis 21 Februari 2008

AGAMA

Joannes Lukas sebak selepas meneliti ayat al-Maidah

Oleh ZUARIDA MOHYIN >> Gambar HALIM KHALID

PERTEMUAN kali pertama penulis dengan anak muda kelahiran Tawau, Sabah ini, langsung tidak menampakkan dirinya seorang mualaf. Ini kerana raut wajah Joannes Lukas, 29, persis jejaka Melayu ditambah pula kelancaran tutur kata tanpa dipengaruhi loghat negeri asalnya.

Malah menurut lulusan Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) ini lagi, kalau melihat penampilan dirinya sebelum bergelar Muslim, beliau sendiri tidak menyangka akan memeluk agama Islam.

"Jadi Muslim... memang tidak pernah terlintas dan terbayang. Ini kerana saya boleh dikatakan seorang pengikut Kristian yang setia serta terlibat secara aktif dengan pelbagai aktiviti gereja.

"Tetapi semuanya bermula selepas saya berhijrah ke Semenanjung Malaysia untuk menyambung pengajian di UPM kira-kira 10 tahun lalu. Pada masa itu, saya sedang mengikuti matrikulasian.

"Hakikatnya, pengislaman saya lebih kepada pengkajian dan perbandingan agama. Itupun selepas berhadapan dengan beberapa persoalan berkaitan agama anutaya saya ketika itu," cerita anak muda ini yang yang lebih

mesra dengan panggilan Johan ketika ditemui di pejabat Jemaah Islah Malaysia (JIM) di Taman Melawati, Selangor baru-baru ini.

Tambah Johan yang

IKHWAN MUSLIMIN

juga merupakan sukarelawan di Hidayah Centre, minat membaca dan menganalisis adalah proses awal sebelum akur akan ketuhanan Allah s.w.t., sekali gus menerima Islam secara ikhlas tanpa paksaan.

"Satu persoalan yang terpacul daripada mulut seorang teman Muslim tentang keyakinan saya dengan agama anutaya saya, membuatkan saya sentiasa memikirkannya berulang kali. Malah ini adalah satu pendorong untuk saya mencari apa di sebalik maksud soalan itu tadi.

"Pada masa sama, saya ada membaca satu buku perbandingan agama yang saya temui di rumah sewaktu pulang bercuti semester. Dalam pembacaan saya itulah pelbagai aspek berkaitan agama anutaya saya mula dipersoalkan. Antaranya peranan Nabi Isa dan konsep Triniti atau tritunggal.

"Pelibatnya, sewaktu meneliti tafsir al-Quran dari al-Fatihah hingga ke surah al-Maidah ayat 72 dan 73, saya tidak dapat menahan sebak dan terus menangis. Ayat tersebut menjelaskan soalan yang saya cari selama ini. Seketika itu juga, terdengar laungan azan di masjid berdekatan asrama. Mungkin di situlah Allah memberikan saya hidayah-Nya," akui Johan yang turut membeli buku-buku lain untuk dibuat perbandingan.

Pertemuan itu, kata Johan menjadi titik perubahan yang menyadarkannya akan erti keesaan Allah. Di samping itu, menerusi pergaulannya dengan teman-teman Muslim, mereka bagi dapat menghidu minat Johan tentang Islam, lantas memperken-



PENGLIBATAN aktif Joannes Lukas (kanan) dengan aktiviti dengan Hidayah Centre, Jemaah Islah Malaysia (JIM) adalah atas dasar mengembangkan syiar Islam.

"Saya sayangkan keluarga saya. Agama tetap agama dan bangsa tetap bangsa. Islam tidak memisahkan hubungan anak dengan ibu bapa mahupun keluarganya. Di samping itu, saya tidak pernah jemu berdoa dan melakukan yang terbaik sama ada sebagai anak mahupun adik."

nalkannya dengan beberapa orang ustaz di UPM.

Rapat

Saya mula rapat dengan ustaz Hajji Azhari Ahmad dan hubungan kami semakin rapat kerana dia banyak memberi penerangan yang jelas tentang banyak persoalan.

"Alhamdulillah, dengan sokongan ustaz Azhari yang juga merupakan abang angkat akhirnya saya memeluk Islam iaitu pada 21 Jun 2000 di Jabatan Agama Islam Selangor di Subang Jaya, Selangor," katanya.

Kata Johan, hanya Allah memahami kegembiraannya kala mengcup dua kalimah syahadah. Ia seolah-olah berjumpa dengan sebutir mutiara. Perasaan seronok, gembira mengatasi segalanya, waima keputusan yang diambil itu membela klangan keluarga.

"Menyedari pilihan yang dibuat mengundang kemarahan keluarga, saya cuba merahsiakan pengislaman diri daripada pengetahuan keluarga dengan pelbagai helah dan lakonan se-

mata-mata jika pulang ke kampung," cerita anak ke-10 daripada 12 adik-beradik ini yang mahu kekal dengan nama sebelum Islamnya kerana ia masih membawa maksud yang baik iaitu, Yahya Lokman.

Pun begitu, rahsia yang dipendam selama itu cuba ditamatkan dengan menulis sepucuk surat kepada keluarga. Di dalam warkah itu, Johan cuba menjelaskan kepada keluarganya bahawa pengislamannya bukan kerana paksaan atau pengaruh sesiapa dan bukan kerana wanita tetapi hanya daripada kajian dan berdiskusi untuk mencari kebenaran.

Kata Johan, perbuatannya itu mengundang kejutan besar kepada keluarga dan bermulalah episod penuh mencabar sebaik bergelar Muslim.

"Saya ada pulang ke kampung sebelum majlis perkahwinan kakak. Rupa-rupanya, kepulangan saya tidak diterima mereka sehingga saya dihalau dan dipulau serta disindir. Itu semua tidak sah endahkan kerana saya sentiasa mengatakan bukankah bila saya masuk Islam, saya lebih baik dari dulu?"



JOANNES Lukas menunjukkan dua buah kitab yang dibuat perbandingan pada peringkat awal pencarian kebenaran. Kitab Tafsir al-Quran (kanan), manakala di sebelah kiri ialah kitab terjemahan Injil.

Headline **Joannes Lukas Sebak Selepas Meneliti Ayat Al-Maidah**
Date **21. Feb 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**



PENYERTAAN dalam aktiviti-aktiviti dakwah secara sukarelawan meningkatkan tahap keimanan. — Gambar hiasan

"Saya sayangkan keluarga saya. Agama tetap agama dan bangsa tetap bangsa. Islam tidak memisahkan hubungan anak dengan ibu bapa mahupun keluarganya. Di samping itu, saya tidak pernah jemu berdoa dan melakukan yang terbaik sama ada sebagai anak mahupun adik."

"Alhamdulillah, kini ibu yang sudah berusia 64 tahun menerima dan merestui pengislaman saya. Saya bersyukur kepada rabbiduan Muslim yang cuba saya tonjolkan kepada keluarga berjaya merubah persepsi negatif mereka terhadap Islam dan menerima saya sebagai Muslim," ujar Johan yang turus berdoa agar seluruh ahli keluarganya turut menerima hidayah Ilahi.

Mengenai penglibatannya dengan kerja-kerja sukarelawan di Hidayah Centre, kata Johan secara serius ia bermula tahun lalu. Tetapi minatnya bermula selepas perkenalan dengan sukarelawan JIM yang turut sama mengikuti kursus perkaderan mualaf anjur Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada 2003.

"Di hati kecil saya ternazir untuk mem-

beri satu kemanisan Islam kepada bukan Islam apa lagi tugas menyampaikan dakwah Islamiah adalah tanggungjawab setiap umat Islam yang merupakan khalifah Allah di muka bumi ini.

"Amatlah penting untuk kita memberi gambaran jelas tentang agama Islam. Sebab itulah, saya selalu terangkan kepada keluarga dan semua bahawa untuk kenal Islam kena kenal agamanya. Kesilapan sekarang ini, orang bukan Islam melihat dari sudut yang tidak berapa tepat iaitu orangnya," katanya.

Buat masa ini, Johan berusaha memantapkan kecintaan kepada Allah dan sesama makhluk.

"Di samping itu, saya ada menerima undangan membuat perbandingan agama terutamanya untuk agama Kristian, memandangkan sedikit ilmu yang ada dan saya rasa ia perlu dikongsi dengan ramai agar syiar Islam terus tersebar dan berkembang serta bebas daripada persepsi negatif," kata Johan mengakhiri perbualan kami lewat detang itu.

UTUSAN MALAYSIA >> Khamis 21 Februari 2008 **Mega** 17

17

AGAMA

KALAMULLAH

Taqarrub kepada Allah faktor utama kejayaan

DAN tidaklah ada yang mereka ucapan (semasa berjuang) selain daripada berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan perbuatan kami yang melampau-lampau dalam urusan kami, dan teguhkanlah tapak pendirian kami (dalam perjuangan); dan tololnglah kami mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir. (Ali Imran: 147)

HURAIAN

Faktor utama kejayaan dalam sesuatu pekerjaan khususnya perjuangan pada jalan Allah s.w.t. ialah hubungan yang kuat lagi erat dengan Allah s.w.t. (*taqarrub*). Sikap terlalu bergantung kepada persediaan fizikal dan mental dengan mengabaikan hubungan rohani dan ketergantungan kepada Allah s.w.t. akan hanya membawa kepada kegagalan, kekalahan dan kekecewaan. Justeru aspek doa dan tawakal perlu dimasukkan dan dirangkumkan dalam erti kata persediaan dan usaha yang sebenar.

Selain berdoa kepada Allah agar membantu bagi menjayakan sesuatu perancangan atau pekerjaan, kita juga diingatkan supaya bertaubat dan memohon ampun daripada Allah atas segala dosa dan kesalahan yang pernah kita lakukan. Ini penting agar dosa atau maksiat kita yang lalu tidak menjadi hijab untuk diperkenankan doa kita, juga disarankan oleh Islam untuk berdoa agar ditetapkan pendirian dan keimanan di sepanjang tempoh pekerjaan atau perjuangan.

Ini memandangkan pelbagai halangan, cabaran dan ujian yang bakal diterima boleh menggugat dan menjelaskan tahap kesabaran dan pendirian. Oleh itu kebergantungan manusia kepada Allah s.w.t. tidak boleh putus atau berbentuk separuh jalan. Yang penting manusia perlu sedar bahawa mereka mestilah bergantung hanya kepada Allah s.w.t. pada setiap masa dan keadaan.

KESIMPULAN

Taqarrub kepada Allah adalah faktor utama kejayaan sesuatu pekerjaan atau perjuangan. Dosa boleh menjadi hijab kepada mencapai kejayaan. Kita tidak boleh mengabaikan aspek doa dan tawakal dalam setiap pekerjaan, perancangan dan perjuangan.

● Disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)